**LAMPIRAN B**

**SYARAT-SYARAT KHAS**

**PERKHIDMATAN MENEBANG POKOK, PEMBERSIHAN KAWASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG**

## 1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN

i. Perkhidmatan menebang pokok, pembersihan kawasan dan kerja-kerja berkaitan adalah diperlukan di **Tapak Pesta, Jalan Sultan Azlan Shah, 11700 Sungai Nibong, Pulau Pinang**.

ii. Tempoh perkhidmatan perlu disempurnakan adalah selama **dua (2) minggu** dari tarikh Pesanan Kerajaan dikeluarkan.

## 2. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

i. Syarikat bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan berdasarkan **Skop Perolehan Perkhidmatan** yang telah ditetapkan.

ii. Syarikat **dilarang sama sekali membakar** segala sampah dan sisa pokok yang ditebang atau dicantas dan hendaklah memastikan semua sampah dan sisa pokok dibuang dan diangkut ke tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Segala kos yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuangan tersebut termasuk kos pengangkutan adalah dibawah tanggungan pihak Syarikat.

iii. Syarikat adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapak, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapak dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Syarikat mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

iv. Syarikat hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Syarikat mengambil **insurans** seperti berikut:

**a. Polisi Insurans Pampasan Pekerja *(Workmen Compensation Policy)***

Polisi ini hendaklah dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang diakui dan diambil atas nama **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** dan Syarikat untuk tanggungan minimum bernilai **RM10,000.00** dan tempoh insurans hendaklah sekurang-kurang dalam tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan.

**DAN**

**b. Polisi Liabiliti Awam *(Public Liability Policy)***

Polisi ini hendaklah dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang diakui dan diambil atas nama **KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** dan Syarikat untuk tanggungan minimum bernilai RM10,000.00 bagi satu kemalangan yang berbangkit dari satu kejadian. Liputan bilangan kemalangan hendaklah tidak terhad. Tempoh Insurans hendaklah sekurang-kurangnya dalam tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan.

v. Syarikat **bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kecuaian** yang disebabkan oleh pekerjanya ke atas mana-mana harta Kerajaan Negeri di dalam Tapak Pesta Sungai Nibong dan dikehendaki membayar kerugian yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pemberitahuan akan dibuat secara bertulis dan Syarikat dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh tujuh hari (7) hari selepas menerima pemberitahuan tersebut. Sekiranya Syarikat gagal membuat bayaran, Kerajaan Negeri berhak membuat potongan amaun dari bayaran perkhidmatan kepada Syarikat atau menuntut perbezaan kos sekiranya ada.

vi. Syarikat dikehendaki meletakkan **papan tanda atau amaran** di tempat-tempat berkenaan semasa perkhidmatan sedang dilaksanakan.

vii. Syarikat dikehendaki mengambil segala **tindakan mencegah** berlakunya sebarang kemalangan dan mementingkan keselamatan pekerja dan juga orang awam semasa menjalankan kerja-kerja.

viii. Pekerja-pekerja yang dilantik oleh Syarikat dikehendaki **memakai pakaian yang sesuai** dengan perkhidmatan yang akan diberikan terutama yang memenuhi keperluan keselamatan.

ix. Semua pekerja hendaklah **dilengkapkan dengan kelengkapan** berkaitan dengan perkhidmatan yang akan dilaksanakan termasuk jentera, mesin dan sebagainya.

x. Syarikat bertanggungjawab di atas **kelakuan dan disiplin** pekerja-pekerjanya. Kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong **tidak dibenarkan** digunakan oleh pekerja-pekerja bagi apa-apa tujuan tanpa kebenaran Kerajaan Negeri atau wakilnya.

xi. Syarikat serta pekerja-pekerjanya **tidak dibenarkan membawa atau membenarkan orang-orang yang tidak berkenaan masuk ke dalam kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong** melainkan mereka yang berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan ini. Pekerja-pekerja haruslah berkelakuan baik dan jujur.

xii. Mana-mana pekerja yang **berkelakuan tidak disenangi** oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya boleh diarahkan keluar dari kawasan Tapak Pesta Sungai Nibong dan tidak akan dibenarkan masuk ke kawasan Tapak Pesta. Pekerja-pekerjanya juga tidak dibenarkan mengambil apa-apa barang milik Kerajaan Negeri.

xiii. **Pembayaran perkhidmatan** akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas menerima dokumen tuntutan yang sempurna dan teratur daripada Syarikat berdasarkan sebut harga yang ditawarkan dan pengesahan dari segi kesempurnaan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat.

xiv. Semua **arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan** oleh Kerajaan Negeri atau wakilnya hendaklah dipatuhi.

**LAMPIRAN C**

## SKOP PEROLEHAN PERKHIDMATAN

| PAKEJ | SKOP PERKHIDMATAN | | KUANTITI | HARGA SEUNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | **KEHENDAK PERMULAAN**<br><br>Kos untuk kerja-kerja permulaan termasuk insurans Public Liability dan Workmen Compensation. | | L/SUM | L/SUM | |
| | Menyediakan laporan digital bergambar bagi tempoh sebelum, semasa dan selepas perkhidmatan dilaksanakan. | | L/SUM | L/SUM | |
| A | **MENEBANG POKOK DAN MERATAKAN TAPAK** | | | | |
| | Menyediakan pekerja, jentera, mesin, pengangkutan dan segala peralatan yang perlu bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut: | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | i. Menebang pokok termasuk mengeluarkan bahagian batang, akar, umbi dan sebagainya dari tapak asal dan seterusnya diangkut ke tapak pelupusan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | ii. Lubang yang terhasil daripada kerja-kerja mengeluarkan akar/umbi perlu ditimbus dan diratakan semula dengan tanah asal atau perlu ditambah dengan tanah baru jika tidak mencukupi. | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | **ZON / KAWASAN TERLIBAT (Sila rujuk Pelan Tapak LAMPIRAN F) :** | | | | |
| | **<u>ZON A</u>** | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | i. | Tempat Letak Kereta 'A' | 2 | | |
| | ii. | Tempat Letak Kereta 'B' | 17 | | |
| | iii. | Tempat Letak Kereta 'C' | L/SUM | L/SUM | |
| | iv. | Laluan Masuk 1 (Jalan Sultan Azlan Shah) | 2 | | |
| | v. | Laluan Masuk 2 (Jalan Sungai Dua) | 1 | | |
| | vi. | Tempat Pengumpulan Sampah | L/SUM | L/SUM | |
| | vii. | Kawasan Stor S7 – S12 | 3 | | |
| | viii. | Bangunan Urus Setia | 1 | | |
| | **<u>ZON B</u>** | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | i. | Pavilion MPPP dan Dewan Terbuka | 1 | | |
| | ii. | Kawasan Lapang 'A' | 2 | | |
| | iii. | Kawasan Lapang 'B' | 2 | | |
| | iv. | Kawasan Lapang 'H' (termasuk memecahkan tapak blok batu sedia ada dan meratakan semula tapak separas kawasan sekeliling dengan simen) | 1 | | |
| | v. | Gerai A4 | 1 | | |

| PAKEJ | SKOP PERKHIDMATAN | | KUANTITI | HARGA SEUNIT (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | vi. | Gerai A5 | 3 | | |
| | vii. | Gerai C1 (termasuk memecahkan tapak blok batu sedia ada dan meratakan semula tapak separas kawasan sekeliling dengan simen) | 1 | | |
| | viii. | Gerai Z1 | 1 | | |
| | ix. | Tandas T2, T3 & T4 | 6 | | |
| | x. | Studio mini RTM | 1 | | |
| | **<u>ZON C</u>** | | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi* |
| | i. | Gerai B41 – B51 | 14 | | |
| | ii. | Gerai B52 – B56 | 11 | | |
| | iii. | Stor S2 – S6 | 6 | | |
| | iv. | Pavilion Xiamen China | 1 | | |
| | v. | Tandas T5 | 2 | | |
| | vi. | Kawasan lapang antara pavilion Xiamen China dan Tandas T5 | 2 | | |
| | vii. | Kawasan Lapang 'F' | 4 | | |
| | viii. | Taman Hiburan | 7 | | |
| **B** | **MEMANGKAS DAHAN DAN RANTING POKOK**<br><br>Menyediakan pekerja, jentera, mesin, pengangkutan dan segala peralatan yang perlu bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:<br><br>i. Memangkas dahan dan ranting pokok separas dengan pagar dan seterusnya diangkut ke tapak pelupusan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.<br><br>**ZON / KAWASAN TERLIBAT (Sila rujuk Pelan Tapak LAMPIRAN F) :** | | *Tidak perlu diisi*<br><br>*Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi*<br><br>*Tidak perlu diisi* | *Tidak perlu diisi*<br><br>*Tidak perlu diisi* |
| | i. | Kawasan wakaf hindu yang berkedudukan di antara Tempat Letak Kereta 'A' dan 'B'. | 4 | | |
| | ii. | Kawasan belakang pavilion Xiamen China (pokok 'ru') | 5 | | |
| | iii. | Kawasan lapang berkedudukan di antara (pokok 'ru') | 4 | | |
| **JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)** | | | | | |

Tarikh :……………………

Tandatangan Penyebut Harga :………………………………

Cop Syarikat ;

Nama :…………………….............

No. K/P :..........................................